



NEGERI MELAKA

## **Warta Kerajaan**

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 54  
No. 11

**27hb Mei 2010**

*TAMBAHAN No. 7  
PERUNDANGAN*

---

---

### **M. P.U. 11.**

#### **ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

#### **FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36**

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 35 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [*En. No. 7 tahun 2002*] dan telah dikemukakan kepada Majlis oleh Mufti, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, menurut subseksyen 36(3), dan telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong di bawah subseksyen 36(4) bagi penyiaran fatwa itu dalam *Warta* dan telah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri menurut subseksyen 36(6) fatwa itu adalah disiarkan dalam *Warta* di bawah subseksyen itu.

## JADUAL

1. Kepercayaan terhadap angka 786 bermaksud *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* atau mentafsirkan mana-mana ayat al-Qur'an dengan angka-angka tertentu dan meyakini bahawa angka-angka sedemikian membawa tuah dan nasib yang baik adalah suatu kepercayaan yang salah dan bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan syariat serta akhlak Islam. Perbuatan ini juga termasuk dalam golongan mereka yang mentafsirkan al-Qur'an mengikut hawa nafsu dan tidak berdasarkan kepada ilmu dan disiplin-disiplinnya serta tidak mendapat hidayah Allah Ta'ala;
2. Mempercayai bahawa angka-angka tertentu boleh membawa tuah dan nasib yang baik kepada seseorang adalah suatu kepercayaan yang salah dan bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan syariat serta akhlak Islam; dan
3. Semua pihak yang terlibat hendaklah menghentikan kepercayaan dan penggunaan terhadap perkara ini dengan serta merta.

Bertarikh 27 April 2010

[JMM/BFB(S)/351/255//01/05; PUNM. 700-02/37]

DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM

*Pengerusi/Chairman,*

*Majlis Agama Islam Melaka*